

MAN KOTA



KRONOLOGI TINDAK BALAS PEMANDU TEKSI

102 PEMANDU TEKSI
→ menfailkan saman terhadap SPAD berhubung isu Uber dan Grabcar

24 MAC 2016
→ PERS1M mohon pertemuan segera dengan Kementerian Pengangkutan

29 MAC 2016
→ 1,000 pemandu teksi berkumpul di tengah bandar raya bantah Uber dan Grabcar

10,000 berhenti jadi pemandu teksi

BH
18/10/16
m/s 12

→ Kebanjiran kereta sapu di Lembah Klang jadi alasan

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Rohaniza Idris, Mohd Iskandar Ibrahim dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kegagalan kerajaan menyelesaikan isu Uber dan Grabcar menyebabkan 10,000 daripada 38,000 pemandu teksi di Lembah Klang, terpaksa memulangkan semula kenderaan mereka kepada syarikat pemilik permit sejak awal tahun lalu.

Operasi perkhidmatan berasaskan aplikasi bukan sahaja meninggalkan beban yang semakin sukar ditanggung pemandu teksi, malah bakal mengakibatkan perkhidmatan teksi konvensional di ibu negara berkubur.

Mendedahkan perkara itu, Pengerusi Persatuan Transformasi Pemandu Teksi Malaysia (PERS1M), Kamarudin Mohd Hussain, berkata keahlian 54 persatuan teksi di Lembah Klang semakin berkurangan kerana

pemandu tidak lagi mampu mencari pendapatan dengan membawa teksi.

Tak mampu bayar sewa harian

“Seramai 10,000 pemandu teksi terpaksa memulangkan semula teksi kepada syarikat pemilik permit kerana tidak mampu menjelaskan bayaran sewa harian ekoran jumlah penumpang kian merosot, selain pengguna lebih cenderung menggunakan perkhidmatan Uber dan Grabcar.

“PERS1M yang mempunyai 418 ahli sebelum ini semakin berkurangan apabila 50 pemandu teksi keluar persatuan dan berhenti menjadi pemandu teksi kerana tidak lagi mampu menjana pendapatan seperti dahulu,” katanya kepada BH, semalam.

Kamaruddin mendakwa, sekurang-kurangnya lima teksi dikembalikan kepada syarikat pemilik permit setiap hari kerana pemandunya tidak mampu menanggung beban bayaran berikutan kekurangan penumpang menggunakan khidmat mereka.

Masalah sama turut dikongsi Pengerusi Persatuan Pemandu Teksi Bestari (Bestari), Mohamed Ashraf

Info

→ **Kajian** menunjukkan 50 peratus pengguna teksi menggunakan aplikasi telefon pintar untuk mendapatkan perkhidmatan
→ **Hanya** 14 peratus daripada keseluruhan pemandu teksi menggunakan aplikasi berkenaan untuk mendapatkan penumpang
→ **Sewa** RM60-RM70 sehari kepada syarikat pemilik permit
→ **Kontrak** sewa antara lima hingga tujuh tahun



ADUAN PEMBACA

✉ Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my

[FOTO SADDAM YUSOFF / BH]

Sebahagian teksi tersadai di kawasan lapang selepas dipulangkan semula kepada syarikat pemilik permit.



Info

3 prinsip TITP

→ **Menambah baik** pendapatan dan kebajikan pemandu teksi

→ **Penyampaian** perkhidmatan berkualiti

→ **Peluang** dan penggunaan teknologi

Teksi boleh guna sistem panggilan Uber, Grabcar

Kuala Lumpur: Sistem 'e-hailing' (e-panggilan) seperti yang digunakan perkhidmatan Uber dan Grabcar, bakal diperluaskan kepada perkhidmatan teksi menerusi pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (APAD) dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (LPKP).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nancy Shukri, berkata sistem e-hailing tidak harus dilihat sebagai saingan tetapi harus digu-



ling dalam industri teksi menunjukkan kepekaan dan keprihatinan kerajaan yang mengambil kira pandangan dan keperluan kesemua pihak berkepentingan dalam merangka arah tuju masa depan industri berkenaan.

Katanya, sistem itu antara inisiatif baharu Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang mengandungi 11 tindakan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan teksi.

28 APRIL 2016

→ **100 pemandu teksi berhimpun** di hadapan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur di Jalan Duta menyokong tuntutan 102 pemandu teksi sekitar Lembah Klang membantah permohonan Uber menjadi pencilah dalam kes saman difailkan terhadap SPAD

Yasin, apabila keahlian dalam persatuan itu berkurangan hampir 50 peratus daripada 700 ahli sebelum ini.

Pendapatan kian merosot

“Hampir separuh pemandu teksi yang bernaung di bawah persatuan bertindak keluar kerana tidak lagi mampu bersaing dengan kewujudan Uber dan Grabcar. Bukan sahaja Bestari, hampir semua persatuan yang ada di Lembah Klang ini menghadapi masalah serupa.

“Sudah bermacam cara kami guna termasuk di mahkamah. Tolong bantu kami, jika perkara ini berterusan perkhidmatan teksi akan berakhir dan saya sendiri ada keluarga perlu disara kerana saban hari pendapatan pemandu teksi semakin merosot,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Teksi Berwawasan Putrajaya dan Selangor, Saari Omar, mendakwa kehadiran Uber dan Grabcar umpama mimpi buruk buat pemandu teksi, khususnya yang menjadikan tugas itu sebagai pendapatan tetap.

“Ketika ini, kebanyakan pemandu teksi hilang sehingga 50 peratus daripada pendapatan yang lazim diperoleh. Ini adalah mimpi buruk kerana banyak bayaran lain perlu kami jelaskan termasuk sewa teksi dan pemeriksaan di Puspakom.

“Bagi pemandu teksi sepenuh masa, mereka kini terpaksa menambah jumlah jam bekerja sehingga ada yang tidak sempat berehat,” katanya.



PERS1M yang mempunyai 418 ahli sebelum ini semakin berkurangan apabila 50 pemandu teksi keluar persatuan dan berhenti menjadi pemandu teksi kerana tidak lagi mampu menjana pendapatan seperti dahulu”

Kamarudin Mohd Hussain,
Pengerusi PERS1M

nakan sebagai peluang oleh pemandu teksi serta pelengkap dalam mengimbangi tawaran perkhidmatan sesuai dengan permintaan dan aliran pasaran.

Katanya, e-hailing itu nanti perlu beroperasi tertakluk kepada peruntukan dan seliaan undang-undang seperti operasi sedia ada dalam industri teksi.

“Langkah kawal selia ini adalah wajar bagi memastikan keselamatan penumpang dan pemandu terus diberikan tumpuan,” katanya menjawab soalan Ahli Parlimen Kota Bharu, Datuk Takiyuddin Hassan dari PAS pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, pindaan APAD dan Akta LPKP itu akan dibentangkan pada sidang Dewan Rakyat, tahun depan.

Nancy berkata, dasar baharu penggunaan perkhidmatan e-hai-



Sistem e-hailing tidak harus dilihat sebagai saingan tetapi harus digunakan sebagai peluang oleh pemandu teksi”

Nancy Shukri,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri

BH

18/10/16

m/s 13



Sistem e-hailing antara inisiatif baharu Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang mengandungi 11 tindakan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan teksi.

Mohon lesen individu

Selain e-hailing, Nancy berkata, SPAD juga membuka peluang pemandu teksi sistem sewa pajak di bawah kelas teksi bermeter dan kereta sewa supaya memohon lesen individu.

“Mereka yang mahu keluar dari sistem sewa pajak turut berpeluang menerima geran RM5,000 daripada kerajaan sebagai subsidi kos membeli kenderaan baharu dan mereka diberikan pilihan jenama dan model kenderaan sesuai untuk kelas penumpang.

“Kerajaan juga memastikan terma kontrak dalam sistem pajak teksi ditambah baik dengan tumpuan kepada kebajikan pemandu selain kawal selia dalam kontrak pajak teksi supaya tidak wujud tindakan berat sebelah dan melindungi kedua-dua pihak,” katanya.

Untuk komen
e-mel ke bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook BH Online